

Orang Islam Yang Terkemuka

Abdul Karim Germanus

Pada tiga puluh tahun yang lalu, seorang orientalis

bangsa Hungary yang beragama Kristian – Protestan – telah

memeluk Islam lalu masuk belajar di Azhar tetapi tidak lama.

Itulah dia Abdul Karim Germanus yang tertera gambarnya di sini,

yang sekarang menjadi guru tawarikh Islam di Universiti

Budapest.

Pada dua bulan yang lalu beliau suami isteri telah tiba

di Kaherah dengan tujuan hendak tinggal selama dua bulan untuk

menjalankan penyelidikan di pusat perpendaharaan ilmu pengetahuan

Islam itu.



Satu keistimewaan yang menarik hati-kata

yang ada di tangan saya, serta tidak pula menaruh hati

wartawan majalah “Al-Ithnayn wa al-Dunyā” – ialah siapa-siapa yang

kepada apa yang ada pada tangan orang lain.”

memandangnya tidak akan percaya bahawa beliau telah berusia

Lima Puluh Orang Anak

tujuh puluh lima tahun. Rambutnya hitam, perdiriannya

tegap dan senyumannya tidak bercerai dari bibirnya.

Tatkala menjawab satu pertanyaan, adakah ia berasa

Oleh itu maka pertanyaan yang mula dikemukakan

kesal kerana tidak mendapat anak yang akan menghidupkan

kepadanya ialah bagaimana beliau dapat memelihara kesegaran

namanya kelak, Tuan Abdul Karim menjawab:

dan kecergasannya hingga hari ini? Beliau menjawab

“Ada setengah orang mempunyai berpuluhan-puluhan anak,

dengan bersahaja:

sedang nama mereka tidak menjadi sebutan semasa

“Kerana saya dapat membersihkan diri dari

mereka hidup, dan tidak akan ada sebutan yang

perasaan hasad dengki, dan berpuas hati akan apa

menghidupkan nama mereka setelah mereka mati. Tentang saya

pula, siapa yang mengatakan bahawa saya tidak mempunyai anak? Sebenarnya saya sudah mempunyai 50 orang anak, yang menjadi sekasih-kasih anak yang amat setia untuk menghidupkan nama saya apabila saya mati kelak. Anak-anak saya yang lima puluh itu ialah buku-buku – yang lima puluh buah – yang telah saya karang. Tiap-tiap sebuah buku dari buku-buku yang tersebut adalah ibarat seorang anak kepada saya. Buku itu mengandungi gambaran dan rupa saya. Yang menterjemahkan perasaan diri saya. Kerana dia ialah pati fikiran saya dan perahan hasil saya. Tidakkah buku yang demikian nilainya, sesuai dikatakan lebih baik daripada anak?”

Bagi menjawab pertanyaan: Adakah sesuatu sebab yang menggerakkan beliau kepada memeluk Islam, beliau berkata:

“Sudah tentu ada. Sebabnya itu ialah kajian saya yang mendalam akan agama Islam. Kajian saya itulah yang menjadikan saya berpuas hati bahawa Islam ialah agama yang benar, lalu saya memeluknya dengan sepenuh-penuh iman.”

Siapa orangnya yang Tuan jadikan contoh utama dalam kehidupan Tuan?

Demikian satu pertanyaan yang telah dihadapkan kepada Abdul Karim Germanus, lalu dijawab oleh beliau:

“Orang itu ialah seorang anak muda yang menjadi contoh dalam masa mudanya. Seorang lelaki yang menjadi semulia-mulia kaum lelaki. Dialah cetusan nur, dialah pancaran iman dan tempat terhimpunnya segala perkara yang baik dan terpuji. Dialah sahsiah yang tidak ada taranya di antara sahsiah-sahsiah yang lain dari kalangan manusia. Itulah dia Muhammad ibn ‘Abd Allāh yang telah menyapu bersih akan segala perbuatan syirik dan melenyapkan segala kedurjanaan. Itulah dia (Rasul pilihan) yang telah membawa kepada kita undang-undang.



Seorang perempuan Islam

Bangsa Perancis, bergambar

di Tanah Suci Makkah Al-Mukarramah,

ketika menuaikan fardu haji.

Allah ‘azza wa jalla dan perlombagaan perdamaian; ‘alayhi al-ṣalām¹ wa al-ṣalām.”

Bagi menjawab pertanyaan yang akhir sekali yang berbunyi: Apakah dia kata-kata sakti yang sentiasa menjadi buah mulut tuan? Abdul Karim Germanus berkata:

“Saya sentiasa berkata pada masa senang dan pada masa susah: *Ashhadu an lā ilāha illā Allāh, wa anna Muḥammadan Rasūl Allāh*. Dan mengakui bahawa syurga itu benar, neraka itu benar, hari kebangkitan dari kubur itu benar, dan hisab hari kiamat itu benar. Dan bahawa kita tidak berkuasa atas sesuatu urusan pun mengenai diri kita.

Kita hidup dan mati sebagai hamba bagi Allah yang menjadikan kita, dan berlaku taat menuaikan segala yang difardukan-Nya atas kita. Kita sentiasa bermohon kepada-Nya – ‘azza wa jalla – supaya dijauhkan-Nya kita dari sikap sompong dan kejam, kerana segala perintah itu tertentu bagi Allah jua, *subḥānahu wa ta’ālā*.”

¹ salām